

09/09/1998

Kuasa pasaran cuba kaut untung maksimum

BANGI, Selasa - Negara membangun hari ini diingatkan mengenai cubaan kuasa pasaran memperkenalkan sistem pemerintahan dan pengurusan ekonomi yang membolehkan mereka mengaut keuntungan maksimum tanpa halangan.

Ketika memberi amaran itu, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menegaskan, tumpuan kuasa pasaran itu ialah mengurangkan fungsi kerajaan dalam pengurusan ekonomi serta melemahkan kegiatan kewangan dan perniagaan.

"Bagaimanapun, kerajaan perlu mengawal dan menghalang kegiatan lain," katanya ketika menyampaikan ucapan pada persidangan Dwi-tahunan Persatuan Pentadbiran Awam dan Pengurusan Komanwel, di sini.

Turut hadir Setiausaha Agung Komanwel, Chief Emeka Anyaoku dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Abdul Halim Ali.

Menurut Perdana Menteri, kuasa pasaran kini mendakwa memainkan fungsi penting dalam sistem pentadbiran dalam dunia yang semakin mementingkan ekonomi dan mengetepikan kebajikan sosial.

"Tanpa segan silu, kuasa pasaran mendakwa boleh memainkan peranan untuk mendisiplinkan kerajaan.

"Adalah tidak menghairankan bahawa mereka lebih mementingkan keuntungan dengan mengabaikan perkara lain," katanya.

Dr Mahathir berkata, pertubuhan bukan kerajaan (NGO) juga sering mendakwa memainkan fungsi dalam mentadbirkan sesebuah negara.

Katanya, walaupun ada NGO yang serius mengetengahkan isu yang diabaikan kerajaan, lebih banyak pertubuhan bebas yang menjadi kumpulan protes atau antikerajaan dengan kecenderungan melaksanakan undang-undang sendiri.

"Dunia percaya kepada demokrasi atau suara majoriti. Tetapi NGO adalah antitesis kepada demokrasi kerana mereka mewakili minoriti atau individu yang mahu menyampaikan pandangan mereka kepada rakyat atau kerajaan majoriti.

"Bagaimanapun, hakikatnya ialah kewujudan NGO dan fungsi mereka dalam sistem pentadbiran sesebuah negara harus diiktiraf dan diterima," katanya.

Dr Mahathir berkata, NGO dan kuasa pasaran kini menjadi sebahagian sistem pentadbiran negara dan organisasi pentadbiran mesti mampu menyesuaikan diri dengan keadaan ini.

Secara umum, ia bermakna pengurangan kuasa mentadbir yang sekali gus memberi kesan terhadap sistem kerajaan sedia ada.

Menurutnya, walaupun sistem pengawasan dalam kerajaan tidak sempurna, ia mempunyai kesahihan dan kestabilan.

"Bagaimanapun, apabila kuasa lain seperti NGO dan kuasa pasaran turut memasuki proses pentadbiran, dengan kepentingan sempit mereka, maka masyarakat akan diancam dengan anarki dan ketidakadilan," katanya.

(END)